

Ucapan Pembukaan Persidangan Alim Ulama Se-Malaysia

Suatu persidangan para alim ulama seluruh Malaysia memperbincangkan soal zakat dan zakat fitrah anjuran MARA telah diadakan pada 10 dan 11 haribulan Februari 1968 di Bangunan MARA Kuala Lumpur.

Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan pembukaan persidangan tersebut. Dalam ucapannya Tun telah menyeru para alim ulama dan pemimpin-pemimpin Islam di seluruh tanah air supaya melepaskan masyarakat Islam daripada segala belenggu dan kongkongan demi untuk membina sebuah masyarakat Islam yang bersatu dan maju.

Memandang kepada ucapan yang disampaikan oleh Tun Abdul Razak itu sangat sesuai untuk meniupkan semangat kesedaran di kalangan masyarakat Islam di seluruh tanah air maka majalah Qalam dengan bangganya menyiarkan ucapan beliau itu dengan harapan agar mendapat perhatian penuh dari para alim ulama dan sekalian kaum Muslimin di seluruh nusantara. – Pengarang

Sebelum daripada Tun Abdul Razak membentangkan buah fikirannya yang berharga, beliau lebih dahulu mengalu-alukan “Persidangan Alim Ulama” dengan menegaskan bahawa persidangan yang seumpama ini mengandungi faedah-faedah yang sangat besar bagi seluruh masyarakat Islam; kerana ianya sebagai perintis jalan dalam usaha mengembangkan keagungan Islam.

Seterusnya Tun mengatakan bahawa kemerdekaan sesuatu negara tidak ada ertinya sama sekali selagi perasaan dan fikiran seluruh rakyat dikongkangi oleh segala jenis belenggu sebagai akibat dari kesan-kesan penjajahan.

Tun telah membentangkan pendapatnya empat jenis belenggu yang harus dilepaskan oleh pemimpin-pemimpin Islam yang terdiri dari intelektual Islam dan para alim ulama Islam. Belenggu-belenggu yang harus dipatahkan itu ialah:

Pertama: Belenggu penjajahan.

Kedua: Belenggu kemiskinan dan kerendahan taraf hidup.

Ketiga: Belenggu kemunduran dari

pemikiran usang yang tidak sesuai lagi dengan zaman ini.

Keempat: Belenggu dari daya pengeluaran ekonomi yang terbatas.

Dalam ucapan selanjutnya Tun Abdul Razak menegaskan:

“Perkembangan agama Islam adalah sentiasa terdedah kepada perubahan sesuatu keadaan mengikut aliran masa. Keagungan Islam boleh kekal jika seluruh umat Islam dapat menyesuaikan diri mereka mengikut perubahan-perubahan itu di samping berpegang teguh kepada dasar ajaran-ajaran Islam, kepada prinsip-prinsip serta bentuknya yang asal.

“Sejarah dunia jelas menunjukkan bahawa pengaruh Islam di dunia ini tidak pernah luntur dan tidak akan luntur buat selama-lamanya, tidak seperti pengaruh-pengaruh agama lain yang timbul untuk hanya beberapa zaman sahaja kemudiannya ia runtuh.

“Ini dapat dilihat dalam keagungan kerajaan Rom dalam abad yang keempat, keagungan tamadun Aztec di Amerika Tengah dan Selatan dalam abad yang keempat belas serta kehebatan pemerintah Nazi

dan kegagahan Dai Nippon dalam Perang Dunia yang kedua; semuanya ini adalah di antara zaman-zaman kebesaran pengaruh sesuatu bangsa yang telah maju, tetapi runtuh tidak lama kemudiannya. Meskipun pengaruh Islam tidak berkembang secara pesat dalam masa 500 tahun yang kebelakangan ini, namun demikian pengaruhnya tidak pernah mengalami keruntuhan.”

Tun selanjutnya berkata: “Di negara kita Malaysia ini semenjak kemerdekaan Islam adalah lebih berjaya dan maju daripada masa penjajahan dahulu. Islam selain daripada menjadi agama rasmi negara Malaysia, ia telah berkembang dengan berbagai macam usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan dan umat di negeri ini.

“Di antara usaha-usaha kerajaan, seperti juga tuan-tuan sedia maklum, termasuklah mengadakan peraduan-peraduan membaca al-Qur’ān peringkat “kebangsaan” semenjak tahun 1960 dan peraduan-peraduan membaca al-Qur’ān peringkat “antarabangsa” semenjak tahun 1961.”

“Di bawah rancangan pembangunan luar

Ucapan pembukaan...

bandar pula beribu-ribu buah masjid, surau, madrasah-madrasah dan sekolah-sekolah agama telah dibina oleh kerajaan di seluruh pelosok negara kita.

“Dari segi ekonomi orang-orang Islam pula, usaha yang terkemuka yang telah dijalankan oleh kerajaan, ialah mentadbirkan simpanan wang bakal-bakal haji. Rancangan ini, yang telah dimulakan dalam tahun 1963, dengan penubuhan perbadanan wang simpanan bakal-bakal haji, atau lebih dikenal dengan nama “Tabung Haji”, bukan sahaja telah diperluaskan di ke Malaysia Timur, bahkan juga sekarang “Tabung Haji” mempunyai lebih daripada 35,000 orang peyimpan-penyimpan yang mempunyai sejumlah hampir-hampir \$8.4 juta wang simpanan di antara mereka.

“Dengan itu nyatalah sekarang bahawa orang-orang Islam di Malaysia sudah mengetahui akan nikmat bekerjasama dalam Islam menerusi usaha-usaha “Tabung Haji” seramai 3,265 orang-orang Islam yang menjadi penyimpan telah pun menunaikan fardu haji.

“Selain daripada mendapat kemudahan-kemudahan untuk menunaikan fardu haji sebagai penyimpan “Tabung Haji”, orang-orang tersebut, bersama-sama dengan lain-lain penyimpan, sedang mengambil bahagian yang penting dalam bidang ekonomi.

“Kita semua sedia maklum bahawa wang-wang simpanan orang-orang Islam dalam “Tabung Haji” digunakan sebagai penanaman modal untuk faedah penyimpan-penyimpannya. Pada masa ini wang-wang simpanan itu digunakan untuk membeli saham-saham daripada 20 syarikat dengan harga

\$5.5 juta. Penanaman modal ini sekarang boleh menghasilkan keuntungan mengikut harga pasar sebanyak kira-kira \$1.7 juta.

“Selain daripada itu penanaman modal oleh “Tabung Haji” adalah berupa harta benda, seperti rumah dan sebagainya yang dinilai kira-kira \$400,000. Tabung Haji adalah satu contoh kepada umat Islam di Malaysia, bahawa jika ajaran-ajaran Islam diikuti dengan telitinya, maka nikmat di sebalik tujuan-tujuan Islam menganjurkan perpaduan, adalah besar manfaatnya kepada orang-orang Islam sendiri.

Yang diperlukan ialah:

Pertama; Mengertikan ajaran-ajaran itu;
Kedua, mengetahui hikmah-hikmah di sebaliknya dan
Ketiga; mengamalkan kebajikan mengikuti saluran dari ajaran-ajaran itu.

Ada banyak lagi hikmah-hikmah yang terkandung di dalam ajaran-ajaran Islam yang belum diteliti dan diamalkan oleh orang-orang Islam.

“Satu daripada sebab-sebabnya ialah selama ini ada di antara kita yang memperbesar-besarkan hanya soal-soal ranting dan fatwa-fatwa sahaja di sebalik memahami ajaran-ajaran Islam. Ada di antara kita juga yang menjadi terlalu *zāhid* dalam perkara ini dan telah memberikan gambaran yang mengelirukan, khususnya kepada orang-orang kampung, dengan menyatakan kepada mereka bahawa Islam adalah agama untuk akhirat semata-mata dan kepentingan hidup di dunia boleh diringan-ringankan. Sikap seumpama ini adalah tidak sesuai dengan ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya.

“Kerajaan sedar bahawa di masa-masa yang lampau sebahagian daripada orang-orang Islam, terutama di kawasan-kawasan luar

bandar, tidak berpeluang belajar dan mengetahui dengan sewajarnya akan ajaran-ajaran Islam, dan ada di antara mereka yang terpesong daripada tujuan-tujuan Islam yang sebenarnya, hinggakan ada di antara adat resam yang luar daripada dasar dan prinsip Islam yang sebenarnya dan tidak menguntungkan orang-orang Islam disifatkan sebagai sebahagian daripada ajaran-ajaran Islam.

“Dalam zaman berlumba-lumba dan zaman mementingkan kemajuan kebendaan sekarang ini, sikap lama yang dipengaruhi oleh perasaan mementingkan akhirat semata-mata adalah tidak memberi sebarang faedah kepada sesebuah masyarakat yang inginkan kemajuan. Sebaliknya sikap seumpama itu boleh menghalang sesebuah masyarakat daripada mencapai kemajuan. Sikap seumpama ini ada berlaku di kalangan umat Islam di Malaysia sebagai akibat daripada penjajahan: keadaan yang seperti ini mestilah diperbaiki.

“Saya percaya bahawa rakyat yang beragama Islam di Malaysia hanya boleh bertambah maju, jika ia dapat memperkemaskan pendiriannya sebagai satu masyarakat yang bersatu dan bersikap progresif serta bertindak mengikut ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya. Dari segi mengubah sikap penduduk-penduduk luar bandar supaya mereka hidup bergerak untuk mencapai kemajuan, maka pihak kerajaan telah bertindak dengan seluas-luasnya.

“Di antara usaha-usaha itu ialah rancangan-rancangan yang membina daya fikiran rakyat, dan itu termasuklah rancangan-rancangan seperti memberi pelajaran rendah percuma, pelajaran dewasa dan gerakan maju.

Ucapan pembukaan...

“Di bawah Rancangan Pelajaran Dewasa seumpamanya, bukan sahaja usaha-usaha dijalankan untuk membasmi buta huruf, bahkan diberi juga pelajaran-pelajaran mengenai agama dan nikmat-nikmat cara hidup yang berguna. Di dalam Rancangan Pelajaran Dewasa ini lebih daripada 820,000 orang-orang dewasa yang dahulunya buta huruf, sekarang sudah boleh membaca dan menulis, dan 237,500 orang dewasa telah menerima pelajaran Islam dan nikmat-nikmat yang terkandung di dalamnya yang benar-benar berguna dari kedua-dua segi hidup di dunia dan akhirat.

“Tidaklah boleh dinafikan bahawa oleh sebab telah dijalankan berbagai-bagai usaha di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar itu, maka perubahan cara berfikir orang-orang Islam di Malaysia sudah jauh berbeza daripada keadaan mereka 10 tahun yang lalu. Segala apa yang dicapai di bawah rancangan-rancangan pembangunan itu, seperti Pelajaran Dewasa, pembinaan beribu-ribu rumah ibadah Islam di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar serta kemajuan Tabung Haji telah menunjukkan bahawa dengan kerjasama dan kebajikan bertindak umat Islam di Malaysia mereka boleh menikmati hikmah-hikmah daripada ajaran-ajaran Islam.

“Tiap-tiap ibadah yang dijadikan suruhan-Nya, seperti sembahyang, puasa, menunaikan fardu haji, memberi zakat, fitrah dan lain-lain lagi, bukanlah merupakan suatu sumbangan daripada hamba-hamba Allah sahaja, bahkan ia ada mengandungi hikmah-hikmah yang membolehkan manusia hidup dalam keadaan aman dan tenteram.

“Kekuatan Islam ialah dari

umat Islam sendiri. Kekuatan ini bukanlah dari ramai bilangan umat Islam sahaja, bahkan kerana ada di dalam masyarakat umat Islam ramai golongan “intelektual” atau orang bijak pandai. Kekuatan ini tidak akan menjadi sia-sia sekiranya kesemua “intelektual” Islam benar-benar menggunakan kebijaksanaan mereka untuk membina keagungan Islam dan hidup berpandukan kepada hadith Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W) yang bermaksud”

“Bekerjalah untuk kepentingan dunia kamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya; bekerjalah untuk kepentingan akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati pada esok hari.”

“Adalah nyata kepada kita bahawa mustahaklah kita menjalankan ikhtiar-ikhtiar dan usaha-usaha kita sendiri untuk mencapai kepentingan dunia yang dikehendaki oleh Nabi kita itu. Dengan ini mustahaklah kita mengamalkan ajaran-ajaran Islam, menjalankan dasar-dasar dan prinsip-prinsip agama kita yang maha suci itu, sambil kita menyesuaikan diri kita dengan keadaan masa, dengan menggunakan kebolehan dan tenaga menurut peredaran zaman. Dengan ini dapatlah kita menghadapi zaman pembangunan dan zaman yang penuh dengan dugaan-dugaan dan perlumbaan-perlumbaan ini dengan mencapai kepentingan dan kebahagiaan dunia seperti yang dikehendaki oleh Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W) itu.

“Dalam berbagai-bagai suruhan-Nya Tuhan mewajibkan umat Islam supaya berzakat dan berfitrah. Zakat dan fitrah mengandungi perimbangan dari segi kewajipan seseorang Islam kepada pihak fakir miskin dan memberi

faedah pula kepada dirinya sendiri. Amalan daripada zakat dan fitrah bukan sahaja memberi harapan hidup kepada yang tiada mensucikan peribadi yang memberi dan yang berada itu, bahkan ia menguatkan keagungan Islam keseluruhannya.

“Tetapi hingga sekarang ini adalah mendukacitakan, kerana tidak ramai umat Islam yang benar-benar mengetahui akan faedah-faedah daripada suruhan-suruhan Islam itu. Umat Islam di Malaysia ini tidak dapat menggunakan sepenuhnya nikmat kekuatan yang ada pada mereka. Dengan ini satu daripada cara-cara supaya umat Islam menjadi satu masyarakat yang bersatu dan teguh, ialah mempunyai satu punca kewangan demi untuk meninggikan taraf ekonomi yang sedang mengalami kelemahan.

“Selama ini meskipun usaha-usaha telah dijalankan untuk memenuhi kehendak-kehendak Islam mengenai zakat dan fitrah daripada umat Islam di Malaysia ini, tetapi usaha-usaha ini adalah masih terhad. Kekurangan usaha ini bukan sahaja terhad dari segi bayaran dan potongan, bahkan juga dari segi kegunaan kumpulan wang-wang itu.”

Sebagai penutup ucapannya Tun Abdul Razak berkata: “Saya tahu bahawa tuan-tuan semua sedar akan kelemahan ini. Kehadiran tuan-tuan ke persidangan ini, adalah menjadi bukti, bahawa tuan-tuan tidak sebagai setengah-setengah orang yang hanya mengata dengan tidak membina; tetapi tuan-tuan sanggup berganding bahu dengan kerajaan untuk mencari ikhtiar supaya usaha-usaha tambahan kepada rancangan-rancangan yang ada sekarang ini dapat dijalankan, bagi meninggikan taraf hidup seluruh umat Islam di Malaysia ini.”